



PERDANA  
LEADERSHIP  
FOUNDATION  
Y A Y A S A N  
K E P I M P I N A N  
P E R D A N A

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	3 October 2015

# Malaysia setuju terima 3,000<sup>um-3/10/2015</sup> pelarian Syria

**NEW YORK 2 Okt.** - Malaysia bersetuju untuk menerima 3,000 orang pelarian perang dari Syria yang dilanda konflik bagi menangani krisis pelarian negara Timur Tengah tersebut.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak ketika berucap pada perbahasan sesi ke-70 Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di sini semalam berkata, mangsa-mangsa pelarian perang itu akan diambil secara berperingkat-peringkat dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Menurut Najib, satu bentuk penyelesaian antarabangsa baharu adalah diperlukan untuk menangani krisis migrasi dunia ekoran pergolakan di rantau itu.

Beliau memberitahu negara-negara PBB bahawa masyarakat dunia tidak boleh memandang sahaja krisis di Syria itu tanpa berbuat apa-apa.

"Apabila kita melihat gambar-gambar migran yang terdesak ini, yang merupakan mangsa ekstremis, dan mereka yang hidup diselubungi kebuluran dan kemiskinan, kita



**Mangsa-mangsa pelarian perang itu akan diambil secara berperingkat-peringkat dalam tempoh tiga tahun akan datang."**

**NAJIB TUN RAZAK**  
Perdana Menteri

perlu melihat mereka bukan sebagai orang asing, tetapi sebagai saudara kita," katanya.

Perdana Menteri berkata, Malaysia telah mengambil, sejak bertahun-tahun lamanya, banyak orang yang melarikan diri daripada perang, kebuluran dan penganiayaan.

Kata Najib: "Kami ketika ini mempunyai ratusan ribu pendatang tanpa izin, dan kami mengambil lebih ramai awal tahun ini apabila berlaku krisis kemanusiaan di Laut Andaman." - UTUSAN